

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(B)49**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA  
YB TAN HOOI PENG**

49. Insiden kren terbalik projek Pakej 2, berikan laporan mengenai insiden kren terbalik yang berlaku pada 3 Oktober 2024 oleh kontraktor projek Pakej 2 di Changkat Delima 1.
- (a) Apakah pampasan yang diberikan kepada penduduk dan pemilik kenderaan terlibat?
  - (b) Apakah tindakan yang diambil oleh pihak kontraktor?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

49. Penang Infrastructure Corporation (PIC) selaku agensi pelaksana projek telah mengesahkan satu kejadian kemalangan melibatkan treler *loader* yang membawa *crawler crane* di Cangkat Delima 2 pada hari Khamis, 3 Oktober 2024 sekitar jam 3.15 petang.

Kejadian ini berlaku apabila sebuah treler (*loader*) milik Syarikat TNT Crane & Heavy Equipment dalam proses untuk membawa dan menghantar *crawler crane* ke tapak projek (CH2900).

(a) Kejadian ini telah menyebabkan kerosakan kepada dua (2) buah rumah dan sebuah kereta. Siasatan awal mendapati kejadian berlaku disebabkan masalah teknikal pada paip angin sambungan di antara kepala lori dan *loader* terbabit. Berikut adalah bentuk pampasan sepertimana dimaksudkan:

(i) Pemilik Kereta:

Kereta tersebut telah diisytiharkan sebagai "*total loss*" oleh Proton. Pemilik telah menyerahkan segala dokumen yang diperlukan kepada syarikat insurans. Pihak kontraktor telah meminjamkan sebuah kereta kepada pemilik tersebut sehingga proses insurans selesai.

(ii) Pemilik Rumah Pertama:

Pihak kontraktor telah memberi pampasan kepada pemilik berjumlah RM19,000 sebagai kos pembaikan. Pemilik juga telah menyerahkan dokumen yang diperlukan kepada syarikat insurans.

(iii) Pemilik Rumah Kedua:

Rumah ini telah mengalami kerosakan pada dapur dan longkang. Setakat ini, anggaran kos pembaikan masih dalam proses penilaian manakala kos pembaikan akan ditanggung oleh pihak kontraktor.

- (b) Tindakan yang telah diambil oleh kontraktor adalah dengan memastikan semua SOP dari setiap aspek dipatuhi sebelum sebarang aktiviti berkaitan dimulakan.